

<b>Headline</b>	<b>Hargai usaha TNB naik taraf kehidupan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>10 Apr 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>171,663</b>	<b>Readership</b>	<b>563,000</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Page No</b>	<b>9</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>352 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 20,871</b>		



## Hargai usaha TNB naik taraf kehidupan

**PEKAN 9 April** - Pemimpin masyarakat Orang Asli di sekitar Parlimen Pekan menyambut baik usaha kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menaik taraf kehidupan masyarakat golongan itu dengan membaik pulih kedian mereka.

Pengerusi Muafakat Orang Asli Parlimen Pekan, Midun Tan menzahirkan rasa syukur atas sumbangan TNB melalui Projek Membaik Pulih Rumah-Rumah Gologangan Miskin dalam mengangkat masyarakat berkenaan setaraf kaum lain di negara ini.

"Menerusi sumbangan ini, kita akan menganal pasti rumah-rumah yang memerlukan bantuan dibaiki dan diagihkan mengikut keperluan.

"Bantuan ini disalurkan sebaik sahaja 100 buah rumah dikenal pasti dan pasti kerja-kerja membaik pulih dilaksanakan dengan kadar segera," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan baik pulih rumah pada Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpai di sini baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmi dan menyampaikan sumbangan tersebut.

Yang hadir sama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB,

Datuk Seri Ir. Azman Mohd. dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd. Ariff.

Kira-kira 3,000 masyarakat Orang Asli daripada 34 buah kampung sekitar Parlimen Pekan hadir pada majlis berkenaan.

Sementara itu, bagi Tok Batin Kampung Sawah Batu, Hamid Sepeh, 43, usaha kerajaan itu seharusnya dipuji kerana dalam mengejar pembangunan, golongan masyarakat minoriti seperti Orang Asli tidak pernah dipinggirkan.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan dan TNB kerana sentiasa ingat kepada kami.

"Antara keutamaan adalah membaiki bumbung dan lantai rumah-rumah yang daif kerana rata-rata rumah yang dibina tanpa pelan serta reka bentuk," katanya.

Bagi Tok Batin Kampung Simpai, Rahmat Mansor, tiada kerajaan setanding Barisan Nasional (BN) dan badan-badan korporat seperti TNB yang sentiasa membantu segenap lapisan rakyat.

"Saya berharap usaha ini berterusan dan sentiasa dilihat keperluan kami dari semasa ke semasa.

"Syukur TNB turut memasang lampu-lampu jalan yang masih menerangi kampung kami pada waktu malam," kata Rahmat.



**HAMID SEPEH**

Headline	Hargai usaha TNB naik taraf kehidupan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,871		



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan replika cek kepada Midun Tan (kanan) sambil disaksikan oleh Azman Mohd. (dua dari kanan) dan Mohammad Fakhruddin Mohd. Ariff (tengah).



NAJIB TUN RAZAK menerima cenderamata daripada Rahmat Mansor dalam Program Lawatan Kerja dan Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parliment Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpai, Pekan, baru-baru ini.